

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**  
**NASARAH [ LENGGONG ]**  
**TARIKH : 1 NOVEMBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah produk ubat-ubatan tiruan yang berjaya dirampas oleh Kementerian dari tahun 2015 hingga kini. Adakah modus operandi yang digunapakai oleh Kementerian kini berkesan dalam mendidik masyarakat untuk tidak membeli dan menggunakan produk tiruan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Produk tiruan merupakan produk yang menyamai dengan produk asal tetapi tidak mempunyai bahan aktif seperti produk asal atau mempunyai bahan aktif yang berbeza dari produk asal. Produk tiruan juga mungkin mengandungi bahan aktif yang betul tetapi dalam dos yang salah. Di Malaysia, rampasan ubat tiruan oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi adalah melalui aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan iaitu aktiviti serbuan termasuk dalam Operasi Khas yang dijalankan setiap tahun seperti Operasi *Storm* dan *Pangea*. Operasi ini melibatkan kerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) bersama negara-negara

ASEAN bagi membanteras penjualan produk ubat tiruan di pasaran dan secara atas talian.

Pada tahun 2015, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merampas sejumlah 99 produk ubat tiruan dengan nilai rampasan sebanyak RM 201,689. Jumlah rampasan telah meningkat untuk tahun 2016 (sehingga September) iaitu sebanyak 105 produk dengan nilai rampasan berjumlah RM 66,689.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM telah memperkenalkan mekanisme sistem pelekat keselamatan Hologram Meditag pada tahun 2005. Sistem pelekat ini diperkenalkan bertujuan untuk memerangi kewujudan ubat-ubat tiruan di pasaran. Semua ubat-ubat yang berdaftar di Malaysia perlu ada pelekat Hologram dan No Pendaftaran MAL. KKM juga sentiasa memantau kewujudan laman web dan laman sosial daripada segi kesahihan produk yang dijual dan pengiklanannya.

KKM melalui Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga mengadakan pelbagai aktiviti ceramah, pameran interaktif dan dialog dalam usaha untuk mendidik masyarakat untuk tidak membeli dan menggunakan produk tiruan. Sepanjang tahun 2016 (sehingga Ogos) sebanyak 451 aktiviti kesedaran pengguna telah dijalankan di seluruh Malaysia melibatkan 194 ceramah, 158 pameran interaktif dan 99 sesi dialog dengan menasarkankan pelbagai kategori pengguna seperti penjawat awam, pelajar, dan badan korporat. Selaras dengan perkembangan semasa, teknologi terkini turut digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada pengguna menggunakan laman web rasmi Bahagian

Perkhidmatan Farmasi di [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) dan laman Facebook Pilih Ubat Berdaftar.

### **Tuan Yang di-Pertua**

KKM juga sedang menggubal undang-undang baru farmasi (RUUF) untuk membolehkan kawalan yang lebih efektif dengan peruntukan hukuman yang lebih berat dan deteren ke atas kesalahan menjual produk ubat-ubatan tiruan yang dilakukan di pasaran Malaysia.